
MEDIA CLIPPING

Client :	Hock Heng Stone Industries Bhd	Date :	10 February 2010
Media :	Berita Harian	Section :	Business
Language :	Bahasa Melayu		

“Hock Heng aims to raise RM8.4 million from IPO”

Hock Heng sasar jana RM8.4j hasil IPO

HOCK Heng Stone Industries Bhd, yang dijadual disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia akhir bulan depan, melaksanakan tawaran awam permulaan (IPO) merangkumi terbitan awam 15.3 juta unit saham baru dan tawaran untuk jualan 14.3 juta unit saham sedia ada pada harga 55 sen sesaham.

Daripada terbitan saham baru itu, enam juta saham ditawarkan untuk langganan awam; 7.3 juta untuk pelabur Bumiputera serta pelabur terpilih; manakala dua juta saham lagi diperuntukkan kepada penganjak yang layak, pekerja dan sekutu perniagaan.

Pengerusi dan Pengarah Urusannya, Low Kim Hock, berkata syarikat menyasar menjana RM8.4 juta daripada IPO berkenaan yang akan digunakan bagi tujuan modal kerja dan operasi kuari.

Katanya, syarikat yang menguasai 22.5 peratus pasaran industri batu dimensi merancang membuka kilang keempatnya di Pekan Subang, Selangor yang dijangka beroperasi

suku ketiga tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya merancang melabur RM5.7 juta untuk membina kemudahan kilang baru dan kelengkapan jentera untuk kilang baru terbabit.

“Daripada jumlah pelaburan itu, RM800,000 dijana daripada IPO, manakala bakinya dibiayai menerusi dana dalaman dan pinjaman,” katanya selepas pemeteraian perjanjian taja jamin dengan Public Investment Bank Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Public Investment, Teoh Cheng Soon dan Ketua Bahagian Khidmat Nasihat dan Kewangan Korporatnya, Phang Siew Loong.

Public Investment adalah penasihat dan pengurus taja jamin bagi cadangan penyenaian Hock Heng dan prospektus cadangan penyenaian itu akan dikeluarkan awal bulan depan.

Ditubuhkan pada 1988, Hock Heng menjalankan perniagaan pengilangan, pemprosesan dan pengedaran pelbagai jenis batu dimensi merangkumi batu marmar dan granit.